

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN
TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan senarai insentif, rangsangan dan bantuan khas untuk petani, penternak dan nelayan dalam fasa pemulihan COVID-19.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas oleh COVID-19, MAFI melalui Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merencanakan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

2. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif / subsidi, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan

dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

3. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 telah memperuntukkan RM400 juta bagi melaksanakan tiga (3) inisiatif dalam fasa pemulihan COVID-19:

- i. Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5% untuk tempoh 5 tahun;
- ii. Program Kebuniti / Pertanian Bandar berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 untuk komuniti; dan
- iii. Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menawarkan insentif penggajian kepada syarikat yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

4. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE (termasuk projek infrastruktur dengan peruntukan RM50 juta), PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.

5. Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasaran yang terkesan akibat COVID-19 malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merencanakan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.